

26/08/1997

Memartabat wanita pendukung masyarakat bermaklumat

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat bersama-sama meraikan sambutan Hari Wanita 1997. Saya mengalu-alukan sambutan ini bukan sekadar semangat tapi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datin Paduka Zaleha Ismail kerana mengambil pendekatan yang proaktif selepas melihat tuntutan masa dan peranan yang perlu dimainkan oleh wanita termasuk dalam bidang strategik yang menjamin kemajuan negara, kejayaan keluarga dan menjamin sumbangan wanita berterusan.

Sebab itu, kita tidak perlu merintih. Permasalahan lama yang tidak harus kita bahaskan kerana masih banyak masalah belum selesai. Daripada mencurah perasaan gundah gulana, derita dan duka nestapa serta masalah yang menyangkut hal wanita, saya fikir satu pendekatan yang menarik ialah melihat sumbangan dan peranan wanita yang bertambah pada zaman ini dan alaf baru nanti.

Justeru itu, dipilih tema 'Wanita dan Teknologi Maklumat' kerana selama ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa seluruh masyarakat digerakkan untuk melihat satu anjakan pembaharuan baru dalam dunia dan Malaysia tidak harus ketinggalan - maka diperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Dengan sendirinya kejayaan bidang multimedia itu bergantung kepada pendedahan dan kesedaran menyeluruh mengenai teknologi maklumat (IT).

Bagaimana hebat sekalipun pendedahan yang dibuat, ia tidak akan menjamin keberkesannya andai kata wanita sendiri tidak dibabitkan. Jika wanita sendiri memilih untuk berinternet dan beremel dengan suami mereka, parah suami jika tidak faham E-mel.

Kita tidak mahu MSC yang diperkenalkan itu menjadi punca wujudnya kepincangan atau jurang antara sekelompok masyarakat berkepakaran IT dan satu lagi yang tidak mengenali perkembangan ini. Oleh yang demikian, kita perlu tingkatkan kefahaman IT. Saya rasa ia tidak rumit. Jika kita lihat komputer, nombornya pun nampak susah tetapi kalau kita biasakan diri dengan komputer seperti anak kita, ia tidak menjadi sesuatu yang aneh lagi. Ada pihak menyatakan kita yang berumur ini lebih sukar berbanding kanak-kanak. Sebenarnya, ia tidak begitu jika kita biasakan diri. Sebab itu, kerajaan dan parti kini menggesa kepimpinan parti, wakil rakyat, pegawai daerah dan pejabat daerah membiasakan diri dengan peralatan canggih itu.

Kita tidak mahu orang ada komputer, kita pun ada. Tetapi orang pakai komputer kita simpan komputer. Seperti yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua dulu harga getah naik dan semua orang beli peti ais. Orang Kuala Lumpur beli peti ais dan orang Kuala Selangor pun beli peti ais. Tetapi pada masa itu bekalan elektrik belum sampai ke Kuala Selangor. Jadi akhirnya peti ais dijadikan tempat menyimpan baju. Sebab itu kemudahan ini harus dimanfaatkan sepenuhnya bukan sekadar kerana orang lain membelinya.

Oleh itu, marilah kita manfaatkan sambutan Hari Wanita ini sebagai satu ikrar menjayakan rancangan bukan sekadar MSC malah perencanaan Dasar Teknologi Maklumat Negara.

Ia mencakupi keperluan dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pentadbiran negara. Ini memberi kesan dan makna andai kata keluarga dan masyarakat mempunyai kefahaman dan pendedahan. Ini akan memastikan Malaysia boleh dan menganjak ke depan kerana bidang ini tidak terlalu sukar untuk kita lalui dan jayakan.

Kerana itu apabila Datin Paduka Zaleha memperkatakan soal Pelan Induk

Tindakan Wanita, saya ingin memberitahu ia sudah pun dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan sekarang kita sedang senaraikan langkah yang perlu disusun.

Sebagai lanjutan program tahun lalu dan belanjawan tahun depan, kita masukkan peruntukan tambahan bagi kegiatan wanita. Saya jelaskan ini kerana ada wanita yang merungut kenapa peruntukan kepada wanita terlalu kecil.

Saya jelaskan, di bawah tajuk pendidikan, kesihatan, luar bandar dan pertanian; dana itu sebenarnya termasuk untuk wanita. Kalau kita sebut RM10 bilion untuk pendidikan, bukan saja pelajar lelaki yang dapat. Bahkan sekarang kita tahu pelajar wanita mendapat keputusan jauh lebih cemerlang. Dengan keputusan lebih cemerlang itu kemasukan pelajar wanita ke universiti dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semakin bertambah. Sementara menjamin pelajar lelaki tidak ketinggalan, kita juga harus memastikan pelajar wanita yang mempunyai kelayakan harus diberikan kesempatan untuk melanjutkan pelajaran tanpa memikir atau mengenakan apa-apa sekatan.

Malaysia, alhamdulillah, adalah antara negara membangun yang mempunyai rekod luar biasa dan cemerlang dalam bidang pendidikan. Beberapa teman dari luar negara termasuk Arab terperanjat apabila saya memberitahu jumlah pelajar wanita di IPT lebih 50 peratus. Di negara mereka, jumlah itu jauh lebih sedikit walaupun dibicarakan soal Islam dan jihad namun peluang pendidikan masih belum sama.

Kita sekarang sedang bersungguh-sungguh melaksanakan Akta Keganasan Rumah Tangga. Saya tahu, kita memerlukan sedikit kefahaman dan pengertian yang mengambil waktu untuk semua pihak termasuk keluarga dan penguatkuasa memahami supaya pelaksanaan itu lebih berkesan. Tetapi saya mengulangi jaminan bahawa akta itu telah pun kita luluskan dan kita bertanggungjawab melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh.

Sebab itu saya ingin menyatakan dan Zaleha tahu Jemaah Menteri sedang berunding dan mengambil sedikit masa kerana isu ini agak sensitif dan membabitkan keharmonian dan kesejahteraan rumah tangga. Memperkukuhkan undang-undang harus dilihat dalam konteks membangunkan masyarakat. Saya tidak mahu ada tanggapan lain bahawa ada pihak yang enggan menguatkuasakan akta itu.

Begitu juga dengan Akta Pencegah Rasuah yang baru diluluskan. Sekarang ada minat dalam masyarakat untuk mendedahkan dan mengambil tindakan. Tetapi yang penting ialah penjelasan mengenai perkara itu dan kita mahu masyarakat faham bahawa tanggungjawab pemerintah ialah membanteras rasuah. Tugas kita juga ialah mendidik dan memberi maklumat serta pendedahan dan menyampaikan risalah dan dakwah supaya orang ramai mengelakkan diri daripada terjerumus dalam rasuah.

Begitu juga Undang-Undang Keluarga Islam itu disusun dengan rapi dan saksama tetapi pelaksanaannya juga harus diberikan jaminan keadilan kepada semua. Masalah kekasaran, keganasan terhadap wanita, nafkah terhadap wanita dan keluarga dari semasa ke semasa terus didedahkan oleh media. Ada suami yang memperolehi pendapatan tinggi selama bertahun-tahun tidak memberi nafkah kepada isteri. Apabila isteri merayu, begitu lama penyelesaian dibuat.

Apabila keputusan dibuat, tidak ada tindakan melaksanakannya. Oleh yang demikian, hal ini harus ditangani dengan baik kalau tidak satu hari nanti apabila disebut sahaja Mahkamah Syariah, ada persepsi di kalangan kaum wanita seolah-olah pentadbiran Islam tidak menjanjikan keadilan kepada wanita.

Pentadbiran Islam itu berkesan kalau ia menjamin keadilan kepada lelaki dan wanita daripada semua. Pentadbiran Islam itu adil kepada orang Islam dan orang bukan Islam.

Itu prinsip utama yang kita perlu dukung. Sebab itu kalau ada perkara yang bercanggah, kita harus baiki dengan baik. Keadilan itu tidak ada beza antara lelaki dan perempuan, warna kulit dan bangsa.

Saya memberi jaminan, antara isu yang kita akan ketengahkan ialah perlunya penyelarasan undang-undang dan kebijaksanaan dalam pelaksanaan keadilan bagi wanita.

Ini supaya wanita merasa selesa dan lega dan akan diberikan keadilan sepenuhnya dalam mengkaji semula pelaksanaan undang-undang Islam.

Sementara itu, jangan kita layani pula pandangan yang melampau seolah-olah moral, budaya dan agama itu tidak ada tempat di negara kita. Kadang-kadang pandangan liberal yang melampau itu tidak bagus.

Sementara kita tidak mahu melampau agama yang menghukum sewenang-wenangnya, mengambil tindakan terlalu keras dan ganas; kita juga tidak mahu yang terlalu liberal dengan mengetepikan peraturan agama, budaya dan moral.

Sebab itu kita harus pertahankan bahawa Malaysia harus terus maju dan menguasai IT terkini tetapi kita juga mempertahankan budaya, nilai dan agama.

Soal ini kita tidak akan kompromi. Kalau kita tunduk kepada pandangan yang terlalu liberal dan beraliran Barat yang mengetepikan pertimbangan agama dan moral; atau tunduk kepada pihak yang memilih kekerasan dengan fikiran yang terlalu sempit.

Oleh itu, jangan terbawa-bawa pandangan menyatakan Umno dan kerajaan sekarang sekular, menentang agama, hukum Islam dan ulama. Kita mahu ulama sama-sama membangunkan negara dan terbabit dalam IT.

Oleh itu, saya harap wanita ambil perhatian perkara ini. Kalau wanita mahu turut terbela maka kefahaman mengenai agama dan semangat kesedaran berlandaskan nilai perlu ada.

Dakwah tidak boleh dilaksanakan secara tergopoh-gapah kerana buruk padahnya.

(END)